



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Isu-Isu Harta Pusaka Mualaf di Malaysia

(Inheritance Issues Among Muslim Converts in Malaysia)

Fadziani Yaakub^{1*}, Azizon Salleh¹ dan Wan Naimah Wan Daud¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 27 December 2024

Keywords:

inheritance
muslim converts
faraid
inheritance law

Katakunci:

harta pusaka
mualaf
faraid
undang-undang pusaka

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.16>

ABSTRACT

The increase in the number of converts each year indicates that Islam is well accepted by non-Muslims. However, the conversion of individuals to Islam also impacts the distribution of assets after their death. Therefore, this study aims to examine issues related to the inheritance of converts in Malaysia. This is a qualitative study using content analysis. The study's findings indicate that there are various issues related to the inheritance of converts that arise from the concealment of their conversion from family knowledge, not registering their status as converts with the State Islamic Religious Council (MAIN), and being subject to the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976. This study suggests that the process of registering as a convert should be made mandatory and amendments should be made to AMU 1976, which conflict with Islam. Additionally, the empowerment of asset management instruments needs to be enhanced to ensure the rights of both Muslim and non-Muslim heirs are protected.

ABSTRAK

Peningkatan bilangan mualaf setiap tahun menunjukkan bahawa agama Islam diterima dengan baik oleh masyarakat bukan Islam. Namun demikian, pengislaman mualaf turut memberi kesan kepada pengurusan harta yang ditinggalkan selepas kematian mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu-isu berkaitan dengan harta pusaka mualaf di Malaysia. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai isu berkaitan harta pusaka mualaf yang timbul daripada beberapa faktor, antaranya merahsiakan pengislaman daripada pengetahuan keluarga, kegagalan mendaftarkan status sebagai mualaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), serta tertakluk kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Kajian ini mencadangkan supaya proses pendaftaran sebagai mualaf diwajibkan, dan pindaan dibuat terhadap AMU 1976 yang bertentangan dengan prinsip Islam. Selain itu, pemerkasaan instrumen pengurusan harta perlu dipertingkatkan bagi memastikan hak waris Islam dan bukan Islam dapat dilindungi.

^{1*} Corresponding author. E-mail address: fadziani@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.16>

PENDAHULUAN

Peningkatan mualaf di Malaysia saban tahun merupakan trend positif yang perlu dikekalkan. Dilaporkan jumlah keseluruhan mualaf seluruh Malaysia pada tahun 2023 adalah 61,449 orang. Namun begitu, peningkatan bilangan mualaf turut mencetuskan isu-isu berkaitan hak, kepentingan, pewarisan dan pembahagian harta pusaka mualaf (Mohd Zainudin et al., 2021).

Mualaf atau saudara baru merujuk kepada mereka yang baru memeluk agama Islam. Aeksyen 108 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (EPAINS) 2003 mentakrifkan mualaf sebagai:

“Seseorang yang memeluk agama Islam dan menjadi orang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah Syahadah dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 107 adalah dipenuhi.”

Dari aspek had panggilan, istilah mualaf berbeza mengikut negeri. Misalannya, fatwa Selangor dan Melaka menetapkan untuk tempoh lima tahun sahaja. Manakala Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-17 menyatakan tiada tempoh tertentu yang boleh ditetapkan kerana gelaran mualaf lebih kepada uruf masyarakat. Dari aspek kedudukan syarak pula kedudukan mualaf adalah setara dengan orang Islam mukalaf yang lain, iaitu memikul tanggungjawab yang sama (Jasni Sulong, 2014).

Harta pusaka merujuk kepada harta yang ditinggalkan oleh si mati yang perlu diselesaikan segera. Apabila berlaku kematian harta yang ditinggalkan perlu difaraidkan dan dibahagikan mengikut kadar yang telah ditetapkan kepada ahli waris. Allah telah menjelaskan secara terperinci kadar bahagian dan kedudukan ahli waris dalam mewarisi harta pusaka si mati dalam surah al-Nisa’ ayat 11, 12 dan 176. Di Malaysia, prosedur pembahagian dan pengurusan harta pusaka perlu dilakukan mengikut syarak serta mematuhi undang-undang negara. Namun begitu, tiada undang-undang khusus mengenai pembahagian harta pusaka orang Islam termasuk mualaf kerana pembahagian harta pusaka umat Islam secara umumnya berlandaskan kepada syarak (Jasni Sulong, 2014).

Disebabkan itu juga, banyak masalah yang timbul berkaitan dengan pembahagian harta pusaka sehingga membawa kepada peningkatan harta beku umat Islam. Dilaporkan hampir RM90 bilion harta pusaka umat Islam tidak dituntut (Yasmin Hanani, 2023). Sikap ahli waris dan proses pentadbiran harta pusaka yang rumit merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan harta beku umat Islam di Malaysia (Siti Fadhilah et al., 2023). Tambahan pula, masalah ini bertambah apabila melibatkan harta pusaka mualaf. Menurut Nurul ‘Izzah dan Noor Lizza (2017), terdapat banyak isu dan kes-kes melibatkan pertikaian harta pusaka mualaf yang turut menyumbang kepada peningkatan harta beku umat Islam. Kerumitan dan konflik dalam pembahagian harta pusaka timbul sekiranya melibatkan tuntutan daripada waris bukan Islam sehingga menyebabkan waris Islam dinafikan haknya atau menerima kadar bahagian yang tidak sepatutnya (Mohd Zainudin et al., 2021). Perkara ini jelas bertentangan dengan Maqasid Syariah dalam aspek penjagaan harta. Oleh itu, masalah dan isu-isu yang timbul dalam pembahagian harta pusaka mualaf telah menyebabkan polemik dalam kalangan masyarakat berkenaan sejauh mana usaha atau tindakan yang telah diambil oleh badan berkuasa untuk menangani permasalahan kebajikan dan spiritual mualaf tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis isu-isu dominan yang berkaitan dengan harta pusaka mualaf di negara ini. Analisis ini penting untuk memelihara kebajikan para mualaf dan seterusnya mempamerkan ketinggian dan keadilan agama Islam kepada semua pihak tanpa mengira latar belakang agama.

METODOLOGI

Fokus utama kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka dalam kalangan muafak di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian perpustakaan dan kes-kes yang diputuskan di mahkamah. Untuk menganalisis data-data tersebut secara sistematik, kaedah analisis kandungan digunakan. Teknik ini penting untuk menentukan isu-isu yang utama dalam pengagihan harta pusaka khususnya melibatkan golongan muafak.

KONSEP PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM ISLAM

Harta menurut Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 ialah:

“Termasuk harta alih dan tak alih, apa-apa manfaat dalam harta alih atau tak alih, hak, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, samaada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau yang selainnya mempunyai nilai menurut hukum syarak.”

Harta pusaka pula boleh ditakrifkan sebagai apa sahaja bentuk harta peninggalan si mati yang mempunyai nilai sama ada harta tersebut diperolehi melalui harta simpanan, dividen, hadiah, sewaan atau hutang yang belum dijelaskan kepada si mati, hasil jualan atau harta yang terbit daripada usaha si mati semasa hayatnya (Mohd Zainudin et al., 2021). Harta Pusaka merujuk kepada semua harta yang ditinggalkan oleh si mati untuk diwarisi kepada ahli waris. Namun, sekiranya hasil harta itu muncul disebabkan kematiannya seperti pencen, wang saguhati, dan ganjaran terbitan maka menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-21 pada 12 September 1988 ia tidak termasuk sebagai harta pusaka dan tidak tertakluk kepada faraid (Jasni Sulong, 2014).

Apabila berlaku kematian, ahli waris perlu melunaskan hak-hak yang berkaitan dengan harta pusaka si mati terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka dibuat kepada ahli-ahli waris. Antara hak-hak tersebut ialah menyelesaikan perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan jenazah, menyelesaikan hutang si mati dan menunaikan wasiat atau hibah sekiranya ada. Syarat bagi mewarisi pusaka ialah pemilik harta meninggal dunia dan waris masih hidup ketika pemilik harta meninggal dunia. Ini kerana, harta pusaka wujud dengan adanya kematian pemilik harta. Sekiranya ahli waris meninggal dunia dahulu sebelum kematian pemilik harta, maka mereka tidak berhak mewarisi harta pusaka tersebut (Wan Abdul Halim, 2006).

Islam juga telah menetapkan sebab-sebab tertentu yang membolehkan seseorang itu mewarisi harta si mati antaranya melalui hubungan pernikahan yang sah menurut syarak seperti suami dan isteri. Kedua, melalui hubungan nasab atau kerabat iaitu mereka yang mempunyai pertalian darah. Contohnya keturunan ke bawah (*furu'*) seperti anak, cucu dan ke bawah, keturunan ke atas (*usul*) seperti ibu, bapa, nenek, datuk dan keatas. Oleh itu, anak angkat tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka keluarga angkat. Bagi kaedah pembahagian, waris yang dekat akan menghalang (*hijab*) waris yang jauh. Waris yang dekat ini mestilah beragama Islam. Dalam Islam, ditegah waris bukan Islam mewarisi harta orang Islam termasuk muafak. Larangan ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Orang Islam tidak mewarisi orang kafir dan orang kafir tidak mewarisi orang Islam

Riwayat al-Bukhari: 6764

Berdasarkan hadis ini, ia menunjukkan bahawa muafak dan warisnya yang bukan beragama Islam adalah tidak saling mewarisi. Islam melarang harta orang Islam dibahagikan kepada orang bukan Islam dan

sebaliknya. Namun, terdapat juga pandangan ulama yang membolehkan orang Islam mewarisi harta orang bukan Islam berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

الإسلامُ يعلو، ولا يعلَى عليه

Islam adalah tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya

Riwayat Abu Daud: 2913 dan al-Hakim: 8006

Di Malaysia, undang-undang yang terpakai dalam pembahagian harta pusaka orang bukan Islam ialah Akta Pembahagian 1958. Akta tersebut tidak melarang pewarisan harta bukan Islam diberikan kepada ahli waris Islam. Oleh itu, pada pandangan penulis, ia tidak menjadi masalah sekiranya waris Islam menerima harta pusaka daripada bukan Islam. Tambahan pula, ia boleh memberi manfaat kepada orang Islam dari aspek ekonomi serta menjaga hubungan kekeluargaan antara waris-waris Islam dengan bukan Islam (Wan Abdul Halim, 2006).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN:


i. Tertakluk Kepada Pelbagai Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka

Undang-undang berkaitan harta pusaka orang Islam termasuk mualaf terletak di bawah bidang kuasa negeri (Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Sembilan, Perlembagaan Persekutuan) yang memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang berkaitan harta pusaka orang Islam. Oleh itu, peruntukan mengenai undang-undang pentadbiran pusaka orang Islam boleh didapati dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (EPAIN). Enakmen tersebut memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menguruskan perkara yang berkaitan dengan harta pusaka orang Islam. Misalnya, dalam seksyen 65 EPAINS 2003 di bawah perkara perakuan perwarisan memperuntukkan:

“Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah mempunyai kewajipan untuk menentukan; orang-orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak. Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.”

Berdasarkan peruntukan tersebut, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang terhad dalam perkara berkaitan harta pusaka umat Islam. Bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diberikan di bawah peruntukan tersebut ialah untuk mengesahkan ahli waris dan menentukan kadar bahagian ahli waris dengan mengeluarkan sijil faraid. Selain itu, pentadbiran harta pusaka orang Islam turut terikat dengan beberapa statut seperti Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan statut lain yang digubal oleh Persekutuan. Kesannya, ini telah menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Baitulmal dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam. Pentadbiran harta pusaka orang Islam dirumuskan dalam gambar rajah di bawah:

Gambar rajah 1: Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia



Sumber: Mohd Zainudin et al. (2021)

Justeru itu, pentadbiran harta orang Islam tertakluk kepada pelbagai undang-undang yang berbeza. Setiap undang-undang tersebut mempunyai bidang kuasa yang berbeza-beza. Hal ini sudah tentu menimbulkan kekeliruan di kalangan ahli waris untuk membuat permohonan, terutamanya apabila mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang prosedur-prosedur setiap satu. Akhirnya, ia membawa kepada isu harta yang tidak dituntut (Siti Fadhillah et al., 2023).

ii. Tidak Mendaftarkan Status Pengislaman

Proses pengislaman dalam undang-undang Islam adalah mudah iaitu hanya perlu melafazkan syahadah, disaksikan dua orang lelaki mukalaf, dan boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Sesiapa sahaja boleh mengendalikannya termasuklah pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), NGO, imam atau nazir. Seterusnya, untuk melengkapkan proses pengislaman, muallaf seharusnya mendaftarkan pengislamannya di pejabat MAIN atau JAIN yang tertakluk kepada kelulusan pendaftar yang dilantik oleh undang-undang. Setelah itu, mereka akan diberikan sijil atau kad perakuan memeluk agama Islam yang akan menjadi satu identiti sah kepada muallaf. Sekiranya berlaku pertikaian terhadap status agama muallaf sama ada ketika masih hidup atau selepas meninggal dunia, kad tersebut akan menjadi bukti muktamad di mahkamah (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

Namun, proses pendaftaran itu berlaku atas permohonan daripada muallaf itu sendiri dan bukan merupakan suatu kewajipan menurut undang-undang:

“Seseorang yang telah memeluk agama Islam boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran sebagai muallaf.”

(Seksyen 111 EPAINS 2003)

Disebabkan ia merupakan pilihan dan bukan kewajipan daripada aspek undang-undang, masih ramai muallaf yang tidak mendaftar pengislaman mereka kepada pihak yang berwajib. Menurut Razaleigh Muhamad@Kawangit, angka muallaf sebenarnya lebih besar berbanding dengan angka yang dikeluarkan oleh perangkaan rasmi Jabatan Agama Islam kerana masih terdapat ramai muallaf yang tidak mendaftarkan pengislaman mereka atas sebab-sebab tertentu (Asmahanim Amir, 2015). Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan dan berlaku pertikaian status agama muallaf selepas kematiannya, ia boleh memberi impak

kepada perwarisan harta pusaka si mati. Ini kerana, menurut undang-undang negara, seseorang yang mengucap dua kalimah syahadah masih belum dianggap Islam sehinggalah pendaftarannya dibuat mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh MAIN (Sharifah Hayaati & Nurhidayah, 2022). Pendaftaran pengislaman bukan sahaja menjadi qarinah utama yang menentukan keislaman seseorang walaupun gaya hidupnya mungkin tidak berlandaskan syariatNya malah ia mempengaruhi setiap urusan yang berkait dengan mualaf terutamanya selepas kematian mereka seperti tuntutan harta pusaka. Oleh itu, seharusnya pihak-pihak yang mengendalikan proses pengislaman seseorang juga turut menekankan perihal pendaftaran pengislaman dan membantu mualaf dalam mendaftarkan pengislaman mereka supaya tidak timbul isu-isu berbangkit dikemudian hari.

iii. **Merahsiakan Status Pengislaman**

Terdapat mualaf yang merahsiakan pengislaman mereka daripada pengetahuan keluarga atau tidak menukar status agama dalam kad pengenalan dan menggunakan kad pengenalan lama mereka atas pelbagai faktor seperti keselamatan, takut dibuang keluarga, tidak diberikan hak untuk menerima harta dan sebagainya. (Sharifah Hayaati & Nurhidayah, 2022). Kesan daripada merahsiakan status pengislaman ini menyebabkan timbul kekeliruan dan pertikaian mengenai status agama mualaf semasa kematiannya. Ketidakpastian mengenai status agama mualaf ini bukan sahaja memberi impak kepada pengebumian jenazah mualaf iaitu sama ada perlu dikebumikan secara Islam atau mengikut agama asal si mati, malah timbul konflik berhubung pembahagian harta pusaka si mati antara waris Islam dengan bukan Islam.

Konflik ini bertambah serius apabila permohonan pengesahan agama si mati dibuat kepada mahkamah yang berbeza bidanguasa. Misalnya, keluarga bukan Islam membawa kes mereka ke Mahkamah Sivil manakala MAIN membawa tuntutan ke Mahkamah Syariah (Jasni Sulong, 2014). Tambahan pula, dengan ketiadaan bukti sebagai penganut agama Islam seperti status agama Islam dalam kad pengenalan atau terdapat rekod pendaftaran mualaf daripada MAIN menyebabkan pihak MAIN, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil akan berhadapan dengan isu pentadbiran pendaftaran yang rumit untuk diselesaikan berikutan berlakunya pertembungan dua bidang kuasa mahkamah tersebut (Sharifah Hayaati & Nurhidayah, 2022) dan mengambil masa untuk menyelesaikannya yang sudah tentu menjejaskan pembahagian harta pusaka kepada ahli waris. Sekiranya mahkamah memutuskan si mati bukan seorang Islam semasa hidupnya ia akan menyebabkan ahli waris yang bukan beragama Islam berhak kepada harta pusaka tersebut. Manakala dalam kajian Khairani Husin & Mohd Al Adib Samuri (2014) menyatakan mualaf yang memaklumkan kemasukan Islam, kes mereka dapat diselesaikan dengan lebih cekap mengikut bidang kuasa mahkamah, serta memuaskan hati semua pihak yang terlibat (Khairani Husin & Mohd Al Adib Samuri, 2014).

iv. **Tuntutan Harta Sepencarian Atau Nafkah Dari Pasangan Bukan Islam**

Selain itu, tuntutan harta sepencarian dan nafkah daripada pasangan yang memeluk Islam merupakan isu dalam perwarisan harta pusaka mualaf. Tambahan pula, apabila perkahwinan sivil mualaf tidak dibubarkan melalui Mahkamah Sivil menyebabkan mualaf akan terikat kepada pasangannya yang bukan Islam sekaligus tanggungjawab sivilnya tidak akan terhapus dengan sebab pemeluk Islam (Zuliza & Nurhidayah, 2016). Dengan ini, pasangannya yang bukan beragama Islam boleh menuntut apa-apa hak yang terbit daripada perkahwinan seperti nafkah dan harta sepencarian walaupun selepas kematian mualaf. Dalam kes Ganesan A/L Lingam @ Abdul Ghani [2007], Mahkamah Rayuan Putrajaya memerintahkan perayu seorang mualaf dan telah berkahwin dengan wanita beragama Islam untuk terus membayar nafkah kepada bekas isterinya yang masih beragama Hindu. Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (AMU) 1976 memperuntukkan bahawa penerusan tanggungjawab mualaf atau harta peninggalannya ke atas nafkah dan kebajikan ahli keluarganya yang bukan Islam berterusan sehingga dibenarkan oleh undang-undang. Dalam kes ini, sekiranya perayu meninggal dunia, tuntutan bertindih daripada bekas isterinya dan isteri serta waris yang beragama Islam akan berlaku kepada pentadbir pusakanya (Zuliza & Nurhidayah, 2016).

Dalam Islam, hak isteri bukan Islam ke atas nafkah hanya berlangsung selama tempoh *'iddah* sahaja dan tidak berterusan selamanya. Begitu juga dengan harta sepencarian yang boleh dituntut oleh pasangan ialah harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan sahaja. Harta yang diperolehi sebelum perkahwinan atau selepas perceraian tidak boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada waris bukan Islam di bawah tanggungannya seperti ibu bapa, anak-anak, adik beradik adalah berterusan dan boleh diambil daripada harta peninggalan si mati yang tidak termasuk dalam kategori harta pusaka seperti pencen, wang saguhati, pampasan insurans dan tuntutan pampasan daripada mahkamah (Jasni Sulong, 2014).

v. Tuntutan Harta Daripada Waris Bukan Islam

Secara asasnya orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta orang Islam. Harta pusaka muafak itu hanya akan diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam sahaja. Sekiranya tiada waris yang ditinggalkan, ia akan diwarisi oleh Baitulmal. Status agama antara waris dan si mati akan menjadi penentu kepada kelayakan untuk menerima harta pusaka si mati. Oleh itu, perbezaan agama akan menjadi penghalang atau menggugurkan hak seseorang daripada menerima harta pusaka si mati. Dalam kes *Re Zaiton binti Abdullah* (1989), kesemua harta pusaka si mati diserahkan kepada Baitulmal apabila ketiadaan waris hubungan darah yang beragama Islam. Manakala dalam kes *Re Timah binti Abdullah* [1941] MLJ 52, tuntutan harta peninggalan si mati telah dibuat oleh waris yang bukan beragama Islam. Si mati adalah seorang muafak berbangsa Jepun yang telah berkahwin dengan Haji Hasan. Isu yang dibangkitkan dalam kes ini ialah sama ada waris si mati iaitu adik beradik lelaki dan ibu si mati yang tidak beragama Islam boleh mewarisi harta si mati. Hakim Mahkamah Tinggi Sivil Pahang memutuskan bahawa waris yang bukan beragama Islam tidak berhak mendapat harta pusaka si mati berdasarkan kepada undang-undang Islam dan oleh kerana si mati tidak meninggalkan waris, harta pusaka tersebut dikembalikan kepada Baitulmal. Begitu juga dalam kes *Re Zarina binti Abdullah @ Ooi Po Tsuan* (2002), harta pusakanya telah diwarisi oleh suami, anak perempuan dan Baitulmal kerana tiada waris Islam yang lain. Berdasarkan kepada kes yang dinyatakan waris yang bukan beragama Islam tidak berhak mewarisi harta muafak.

Walaupun bagaimanapun, tuntutan oleh waris bukan beragama Islam boleh menggugat hak-hak waris Islam yang lain. Tambahan pula, sekiranya si mati merahsiakan status agama Islam kepada ahli keluarga yang bukan Islam, ini boleh menimbulkan pertikaian mengenai status agama si mati. Sukar bagi mahkamah untuk menentukan status agama si mati sekiranya tiada bukti yang menunjukkan si mati adalah seorang muafak dan mengamalkan gaya hidup Islam. Sekiranya hakim memutuskan si mati bukan beragama Islam sedangkan telah berkahwin menurut undang-undang Islam dan mempunyai anak, ia akan menafikan hak waris si mati untuk menerima harta pusaka dan membolehkan waris bukan Islam menerima harta peninggalan si mati. Senario ini sudah tentu bercanggah dengan undang-undang Islam. Seperti mana yang diputuskan dalam kes *Isabela Madeline Roy & Ors. Iwn Sarimah Low Abdullah & Ors.* [2005] 2 MLJ 301, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan pemindahan hartanah milik si mati (muafak) kepada isterinya yang dikahwini mengikut undang-undang Islam adalah tidak sah kerana pembubaran perkahwinan sivil di Mahkamah Tinggi Sivil tidak pernah dipohon dan menjadikan perkahwinan si mati dengan isteri pertama (bukan Islam) masih lagi berkekalan. Kesannya, perkahwinan suaminya (si mati) dengan defendan kedua tidak sah kerana perkahwinan dengan defendan pertama ialah perkahwinan sivil yang bersifat monogami menyebabkan suami (si mati) tidak berhak mengamalkan poligami mengikut perkahwinan undang-undang perkahwinan sivil di Malaysia.

vi. Petisyen Pembubaran Perkahwinan

Undang-undang yang mengawal selia perihal perkahwinan dan perceraian orang bukan Islam ialah AMU 1976. Manakala bagi orang Islam, mereka tertakluk kepada undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing. Walaupun, umat Islam tidak tertakluk kepada AMU 1976, namun ia terpakai terhadap muafak

(Bernama, 2021). Seksyen 51 AMU 1976 menyebut apabila salah satu pasangan telah memeluk Islam, pasangan dalam agama asal perlu membubarkan perkahwinan di Mahkamah Sivil (*decree of nullity*):

“Where one party to a marriage has converted to Islam, the other party who has not so converted may petition for a divorce: provided that no petition under this section shall be presented before the expiration of the period of three months from the date of the conversion.”

Daripada peruntukan ini, dapat difahami bahawa pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam tidak menyebabkan perkahwinan itu terubur dengan sendirinya dan petisyen pembubaran perkahwinan ini hanya boleh dipohon oleh pasangan yang bukan Islam sahaja. Sekiranya tiada permohonan petisyen pembubaran dibuat oleh pasangan yang bukan Islam, secara sivilnya mereka masih lagi suami isteri. Di bawah Akta yang sama, pasangan bukan Islam boleh menuntut nafkah, harta sepencarian dan penjagaan anak. Begitu juga dengan harta pusaka iaitu waris bukan Islam boleh menuntut dan mewarisi harta pusaka muallaf tersebut. Sebaliknya, undang-undang keluarga Islam memperuntukkan status berlainan agama menjadi sebab teruburnya perkahwinan yang perlu disahkan oleh Mahkamah Syariah. Kedua-dua peruntukan ini adalah bertentangan antara satu sama lain dan boleh menimbulkan konflik perundangan (Zuliza & Nurhidayah, 2016).

Dalam kes Eeswari Visuwingam lwn Government of Malaysia [1990] 1 MLJ 36, perayu (si isteri, iaitu Eeswari), tindakan balu yang tidak pernah memohon untuk membubarkan perkahwinan Hindu dengan suaminya telah melayakkannya mewarisi wang pencen suaminya. Keputusan penghakiman yang sedemikian jelas bertentangan dengan hukum syarak yang menegah seseorang bukan Islam untuk mewarisi harta orang Islam. Dalam Islam, harta seseorang Islam yang meninggal dunia tanpa meninggalkan ahli waris yang beragama Islam hendaklah diserahkan ke Baitulmal.

Kesan daripada peruntukan ini, pembubaran perkahwinan yang dibuat oleh muallaf di Mahkamah Syariah adalah tidak sah dan selagi pembubaran perkahwinan sivil tidak dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil, muallaf dan pasangannya yang bukan beragama Islam masih lagi suami isteri. Senario ini menunjukkan petisyen pembubaran perkahwinan yang hanya boleh dibuat oleh pasangan yang bukan Islam memberi kerumitan kepada ahli waris Islam mahupun bukan Islam. Selain itu, ia juga menimbulkan ketidakadilan apabila pihak yang sepatutnya berhak mendapat bahagian harta pusaka dinafikan hak untuk mewarisi harta si mati (Nurul ‘Izzah & Noor Lizza, 2017).

Peruntukan seksyen 51 AMU 1976 merupakan undang-undang yang berat sebelah dan bertentangan dengan Islam. Peruntukan ini telah menafikan hak seseorang saudara baharu untuk mengamalkan undang-undang diri atau undang-undang keluarga yang baharu bagi dirinya, iaitu undang-undang Keluarga Islam. Rentetan daripada itu, seksyen 51 AMU 1976 yang disokong juga dengan peruntukan seksyen 3 dan 8 AMU 1976 masih lagi mengikat seseorang saudara baharu dengan undang-undang keluarga sivil kerana tanggungjawab sivilnya tidak akan terlucut dengan alasan pemeluk Islam (Zuliza & Nurhidayah, 2016).

vii. **Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil**

Dalam Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan membahagikan bidang kuasa persekutuan dan negeri. Perkara yang tertakluk dalam senarai I, Senarai Persekutuan, Jadual Sembilan termasuk dibawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Manakala perkara yang terkandung dalam Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Sembilan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Melalui peruntukan dalam senarai II, jelas menunjukkan bahawa undang-undang Islam yang melibatkan hal ehwal kekeluargaan orang Islam adalah dibawah bidang kuasa Mahkamah Syariah:

*Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, **hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga** bagi **orang yang menganut agama Islam**, termasuk **hukum syarak** yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang,*

*pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; kenanggotaan, susunan dan tatacara **mahkamah Syariah**, yang **hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam** dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu.*

Pembahagian bidang kuasa ini dikukuhkan lagi melalui peruntukan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang secara jelas menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa atau campur tangan dalam perkara-perkara di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

“(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.”

Kesan daripada peruntukan ini, Mahkamah Sivil tidak berhak mendengar dan memutuskan kes-kes yang melibatkan perkahwinan orang Islam. Namun, konflik bidang kuasa hingga hari ni masih lagi berlaku terutamanya melibatkan pemelukan Islam oleh salah seorang pasangan yang berkahwin secara sivil. Persoalannya, mahkamah manakah yang berbidangkuasa untuk mendengar permohonan mereka? (Zuliza & Nurhidayah, 2016). Peruntukan dalam senarai II jelas menunjukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah sangat terhad, iaitu terpakai kepada mereka yang beragama Islam sahaja dan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas orang bukan Islam. Ia menimbulkan konflik bidang kuasa apabila salah seorang daripada pasangan memeluk agama Islam dan seorang lagi masih lagi dalam agama asal sewaktu perkahwinan kerana orang bukan Islam tidak boleh membuat permohonan di Mahkamah Syariah. Sekiranya permohonan pembubaran perkahwinan dibuat oleh pasangan yang memeluk Islam, adakah keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mengikat pasangan yang bukan Islam?

Dalam kes *Douglas A. Pedley lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Anor* [1990] 2 MLJ 301, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pernyataan Hakim Kadi Besar bahawa perkahwinan itu akan terbuang menurut undang-undang Islam tidak memberi kesan kepada plaintif dalam undang-undang peribadinya dan undang-undang sivil negara kerana pembubaran perkahwinan sivil hanya boleh dibuat melalui Mahkamah Tinggi Sivil sahaja. Plaintif yang merupakan seorang Kristian telah berkahwin dengan isterinya juga beragama Kristian pada 12 Februari 1966 melalui upacara Kristian. Pada 12 Januari 1987, isterinya secara rahsia telah memeluk agama Islam. Oleh itu, Hakim Kadi Besar telah mengutus surat kepada plaintif untuk menanyakan sama ada turut bersetuju untuk memeluk Islam dalam tempoh tertentu dan sekiranya tidak, perkahwinan mereka akan terbuang. Plaintif telah memohon deklarasi daripada Mahkamah Tinggi Sivil bahawa penukaran agama oleh isterinya tidak membubarkan dan memberi kesan kepada perkahwinan mereka. Dalam penghakiman yang dibuat, Hakim menyebut pemelukan agama Islam oleh isterinya tidak membubarkan perkahwinan tersebut. Sebaliknya, ia memberi peluang kepada plaintif yang tidak memeluk Islam untuk membuat petisyen perceraian.

Dalam kes *Ng Swee Pian lwn Abdul Wahid dan seorang lagi* [1992] 2 MLJ 425, isu yang dibangkitkan oleh plaintif ialah Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan perkahwinan sivil oleh salah seorang mualaf. Dalam kes ini, defendan telah berkahwin dengan plaintif secara sivil. Defendan kemudiannya telah memeluk agama Islam dan memohon kepada Mahkamah Syariah

Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk membubarkan perkahwinan sivilnya kerana isterinya enggan memeluk Islam. Pihak kadi telah menghantar notis kepada plaintif untuk hadir ke Mahkamah Syariah bagi mendengar permohonan tersebut dan disebabkan keengganan isteri untuk turut memeluk Islam, Mahkamah Syariah telah membubarkan perkahwinan tersebut. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, plaintif telah menfailkan kes tersebut di Mahkamah Sivil. Pihak plaintif mendakwa bahawa dia berhak untuk membuat permohonan perceraian melalui seksyen 51 AMU 1976 atas alasan pemeluk Islam suaminya. Keputusan hakim adalah memihak kepada plaintif, dan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah adalah tidak sah.

Seterusnya, kes yang membangkitkan isu bidang kuasa mahkamah ialah kes Tan Sung Mooi lwn Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117. Dalam kes ini, pemohon pada tahun 1989 telah menfailkan petisyen pembubaran perkahwinan di bawah peruntukan seksyen 53 AMU 1976. Mahkamah membubarkan perkahwinan tersebut dan telah mengeluarkan dikri kepada pempetisyen. Sebelum dikri itu menjadi mutlak, pada tahun 1991, pemohon telah membuat permohonan di bawah peruntukan seksyen 76 dan 77 AMU 1976 untuk mendapatkan relief sampingan berkaitan aset perkahwinan dan nafkah. Defendan mengatakan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa ke atasnya kerana beliau adalah seorang Islam. Pemohon juga berhujah dengan menyebut bahawa beliau juga tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah kerana bukan seorang yang beragama Islam. Kes tersebut adalah dirujuk kepada Mahkamah Agung dan diputuskan bahawa seksyen 3 AMU 1976 adalah terpakai kepada orang bukan Islam sahaja dan pihak-pihak adalah bukan beragama Islam ketika perkahwinan berlangsung dan juga ketika permohonan petisyen pembubaran perkahwinan dibuat. Oleh itu, Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan tersebut dan relief sampingan yang berkaitan dengan perintah perceraian.

Kesan daripada keputusan Mahkamah Sivil ini menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah tidak memberi kesan kepada pasangan yang bukan Islam. Walaupun urusan orang Islam berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, namun bagi kes pembubaran perkahwinan mualaf di bawah perkahwinan sivil, mereka tertakluk kepada seksyen 51 AMU 1976. Sekiranya perkahwinan lama itu tidak terubuh, ia boleh memberi kesan dalam isu pewarisan harta kerana waris bukan Islam boleh menuntut harta pusaka mualaf. Sedangkan syarak melarang harta orang Islam dibahagikan kepada bukan Islam. Malah, konflik yang lebih rumit akan timbul sekiranya mualaf berkahwin lain dan memperoleh waris daripada perkahwinan tersebut.

KESIMPULAN

Konklusinya, ketidakpastian mengenai status agama mualaf menyebabkan berlaku konflik berkaitan dengan hak dan kehidupan mualaf seperti pengebumian, perkahwinan, hadhanah dan juga harta pusaka. Situasi ini bertambah serius apabila terdapat tuntutan dan pertikaian daripada waris bukan Islam kerana ia akan melibatkan dua bidang kuasa mahkamah yang berbeza iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, sekaligus akan membawa kepada konflik bidang kuasa dan undang-undang. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa pendaftaran mualaf perlu dibuat secara automatik dan wajib kepada individu yang memeluk agama Islam dan bukan lagi sebagai pilihan kepada mereka bagi mengelakkan sebarang pertikaian dan konflik yang berpanjangan yang sudah tentu merugikan ahli waris itu sendiri apabila harta-harta yang ditinggalkan tidak dapat dibangunkan. Pendaftaran yang dibuat mengikut undang-undang akan menjadi qarinah yang kuat sekiranya status mualaf dibangkitkan dan dapat menjaga kepentingan hak dan kehidupan mualaf. Selain itu, pindaan kepada seksyen 51 AMU 1976 perlu dibuat kerana ia dilihat sebagai tidak adil (*double standard*) kerana peruntukan tersebut hanya membenarkan pasangan yang bukan Islam sahaja membuat petisyen pembubaran perkahwinan sekiranya salah seorang pasangan memeluk Islam. Sekiranya pasangan bukan Islam tidak membubarkan perkahwinan itu, maka selamanya mualaf masih lagi terikat kepada hubungan perkahwinan tersebut dan segala tanggungjawab yang terbit daripada perkahwinan tersebut seperti nafkah perlu ditunaikan. Sekiranya berlaku kematian, undang-undang sivil akan terpakai dan balu

serta waris bukan Islam berhak mendapat harta pusaka mualaf tersebut. Sedangkan dalam Islam, sekiranya salah seorang pasangan tidak ingin memeluk Islam, maka perkahwinan tersebut adalah terbatal. Oleh itu, peruntukkan tersebut adalah bertentangan dengan Islam. Akhir sekali, setiap umat Islam termasuklah mualaf perlu cakna kepada perancangan dan pengurusan harta dalam Islam. Supaya tidak berlaku konflik dan perebutan harta di kalangan ahli waris sama ada waris Islam dan bukan Islam. Islam melarang pembahagian harta pusaka mualaf kepada waris bukan Islam melalui faraid. Namun, Islam menyediakan pelbagai instrumen atau alternatif lain yang boleh dibuat kepada waris bukan Islam seperti wasiat dan hibah. Oleh itu, umat Islam perlulah merancang dalam pembahagian harta supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak sekaligus dapat memelihara hak waris.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Shah Alam kerana memberi sokongan dalam kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan kajian ini dilakukan secara ilmiah dan tidak wujud sebarang kepentingan terhadap mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis utama bertanggungjawab dalam merangka kajian dan menyemak artikel. Penulis kedua, ditugaskan untuk merangka konsep pembahagian harta pusaka menurut syarak. Penulis ketiga bertanggungjawab dalam membina metodologi kajian dan sebagai pembaca pruf untuk artikel ini.

RUJUKAN

- Asmahanim Amir. (2015). Bilangan Mualaf di Malaysia Lebih Ramai daripada Catatan Rasmi. Portal Rasmi Univeristi Kebangsaan Malaysia. https://www.ukm.my/news/Latest_News/bilangan-mualaf-di-malaysia-lebih-ramai-daripada-catatan-rasmi/
- Al-Bukhari, Muhammab Ibn Ismail (1997). *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam.
- Bernama. (2021). Individu Islam Tidak Boleh Jadi Pihak Pertikaian Perkahwinan Bukan Islam - Mahkamah Persekutuan. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2029156>
- Jasni Sulong. (2014). Hak Saudara Baru Terhadap Harta Pusaka: Analisis Undang-Undang Semasa. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 20–40.
- Khairani Husin & Mohd Al Adib Samuri. (2014). Kerahsiaan Kemasukan Islam: Isu Undang-Undang Kes Pemeluk Islam Saudara Baru di Malaysia. *Kanun*, 26(1), 1–25.
- Mohd Zainudin Wan Yusoff, Luqman Hj Abdullah, & Nurulhuda Ahmad Zaki. (2021). Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Mualaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Fiqh*, 18 (2), 315–344.
- Nurul 'Izzah Baharudin, & Noor Lizza Mohamed Said. (2017). Masalah dan Kaedah Penyelesaian Pewarisan Harta Pusaka Mualaf di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(1), 47–56.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, & Nurhidayah Mohamed Hamidi. (2022). Mualaf di Malaysia: Isu dan Penyelesaian Pentadbiran oleh Majlis Agama Islam Selangor. *Kajian Malaysia*, 40 (1), 133–155.

Siti Adibah Abu Bakar, & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Muaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usluddin*, 46(2), 97–122.

Siti Fadhilah Ghazali, Naimah Abu Kasim & Nabilah Wafa' Mohd Najib. (2023). Faktor-Faktor Peningkatan Kadar Harta Pusaka Tidak Dituntut dan Implikasi Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8 (34), 82-92.

Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yasmin Hanani Mohd Safian. (2023). RM90 Bilion Harta Faraid tidak dituntut. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/gaya/2023/09/rm90-bilion-harta-faraid-tak-dituntut/>.

Zuliza Mohd. Kusrin & Nurhidayah Muhammad Hashim. (2016). Pemelukan Islam Pasangan Perkahwinan Sivil:Isu Berbangkit dan Cadangan Penambahbaikan Menurut Undang-Undang Malaysia. *Kanun*, 28 (1).

KES-KES

Douglas A. Pedley lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Anor [1990] 2 MLJ 301

Eeswari Visuwingam lwn Govement of Malaysia [1990] 1 MLJ 36

Ganesan A/L Lingam @ Abdul Ghani [2007]

Isabela Madeline Roy & Ors. lwn Sarimah Low Abdullah & Ors [2005] 2 MLJ 301

Ng Swee Pian lwn Abdul Wahid dan seorang lagi [1992] 2 MLJ 425

Re Timah Binti Abdullah [1941] MLJ 52

Re Zaiton binti Abdullah (1989)

Re Zarina binti Abdullah @ Ooi Po Tsuan (2002)

Tan Sung Mooi lwn Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117

STATUT

Akta Membaharui UndangUndang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

Akta Pembahagian 1958

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Perlembagaan Persekutuan



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).